

FPL UMS paling aktif anjur kempen derma darah di Sandakan

UB 3.8.2016 B4

FAKULTI Pertanian Lestari (FPL) UMS Sandakan muncul penerima Anugerah Organisasi Paling Aktif menganjurkan kempen derma darah di Sandakan sepanjang tahun 2015.

Pengajur Kempen Derma Darah UMS Sandakan Wilson

Azahari berkata penghargaan itu disampaikan Hospital Dutchess of Kent (HDOK) dalam satu majlis penghargaan kepada organisasi dan masyarakat awam sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia, baru-baru ini.

Ketika dihubungi, beliau berkata FPL UMS Sandakan

dipilih setelah menjadi organisasi yang paling banyak menganjurkan kempen derma darah iaitu sebanyak enam kali.

“Penghargaan atau pengiktirafan bukanlah menjadi keutamaan tetapi atas kesedaran dan sebagai tanda sokongan kepada pihak Tabung Darah HDOK Sandakan bagi

menampung kekurangan darah yang sering berlaku terutamanya ketika menjelang musim perayaan,” katanya.

Wilson berkata ia secara tidak langsung dapat mempromosikan FPL UMS kepada masyarakat sekitar Sandakan.

Majlis penyampaian anugerah

disempurnakan oleh Pengarah HDOK Dr Francis Paul.


Selain Anugerah Organisasi Paling Aktif, Dr Francis turut menyampaikan penghargaan kepada organisasi yang berjaya mendapatkan jumlah penderma terbanyak serta penderma darah paling aktif yang terdiri daripada masyarakat awam,

golongan orang kurang upaya (OKU) dan kalangan staf HDOK sendiri.

FPL bakal mengadakan kempen derma darah seterusnya pada 28 Oktober 2016 sempena sambutan ulangtahun Fakulti Pertanian Lestari yang ke-10 pada 24 hingga 30 Oktober 2016.



DR. Francis Paul bergambar bersama wakil organisasi pengajur dan penderma darah tahun 2015.



PENDERMA Darah daripada kalangan siswa-siswi UMS Sandakan.